

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN MUZIUM DAN YAYASAN KEBUDAYAAN  
IBRAHIM HUSSEIN

TEMPAT: DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 11 DEC 1992

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada saudara Ibrahim Hussein kerana menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya melancarkan Muzium dan Yayasan Kebudayaan Ibrahim Hussein.

2. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada saudara Ibrahim Hussein kerana inisiatifnya menubuhkan Muzium dan Yayasannya sendiri. Penubuhan Muzium dan Yayasan Kebudayaan Ibrahim Hussein di Pulau Langkawi amat tepat sekali memandangkan usaha Kerajaan untuk menjadikan Langkawi sebuah pusat pelancongan yang terkenal. Saya yakin penubuhan Muzium dan Yayasan ini akan membantu meningkatkan lagi imej Langkawi khususnya dan Malaysia amnya.

3. Saudara Ibrahim Hussein memang tidak asing dalam dunia seni lukis dan dalam karier keseniannya telah mencapai satu kedudukan yang begitu tinggi yang membanggakan kita semua. Melalui penglibatannya dalam bidang seni lukis beliau telah berjaya menjalin hubungan dan persahabatan yang baik dengan ahli-ahli seni dan artis antarabangsa. Interaksi di antara ahli-ahli seni dan artis tempatan dan antarabangsa adalah penting dalam usaha meningkatkan lagi daya dan imej seniman-seniman kita serta memperkenalkan mereka kepada masyarakat dunia antarabangsa. Saya percaya negara kita akan dapat menggunakan hubungan dan persahabatan beliau itu bagi memperkenalkan Malaysia amnya dan Pulau Langkawi khususnya.

4. Karya ataupun lukisan hasil artis-artis serta seniman-seniman kita mempunyai nilai yang tinggi kerana ianya adalah sebahagian daripada ciptaan yang mencerminkan budaya kita. Ciptaan seperti ini merupakan satu dimensi budaya kita yang akan dibawa daripada satu generasi ke generasi yang lain. Ini adalah warisan tradisi kita yang mencerminkan pencapaian masyarakat Malaysia di satu-satu masa. Justeru itu, budaya kita penting dicorak dan dibentuk supaya benar-benar memperlihatkan identiti negara kita yang unik dan tersendiri.

5. Dalam konteks ini adalah penting kita menggalakkan individu dalam masyarakat kita supaya meningkat dan mengembangkan hasil kesenian dan budaya kita. Individu yang kreatif di antara artis-artis tempatan harus diberi peluang bukan sahaja untuk menghasil dan membentuk karya mereka

tetapi lebih penting mereka harus diberi tempat yang sesuai supaya berpeluang untuk berinteraksi sesama sendiri dan di kalangan artis dan seniman di peringkat antarabangsa. Dengan adanya muzium ini maka akan berpeluanglelah artis tempatan yang berbakat berinteraksi dan mencari ilham dalam bidang lukisan.

6. Negara kita sedang dalam proses menuju ke taraf negara maju. Kemajuan negara yang kita mahukan bukan setakat pembangunan ekonomi dan sosial sahaja, tetapi juga perkembangan budaya yang meliputi antara lain bentuk abstrak seperti ideologi dan artifak seperti hasil tulisan, barang-barang dan lukisan-lukisan.

7. Justeru itu, penubuhan Muzium dan Yayasan Kebudayaan Ibrahim Hussein seharusnya mendapat sokongan semua pihak memandangkan ianya adalah selaras dengan cita-cita kita untuk menjadi negara maju. Menjadi maju atau moden bukan bererti penambahan bilangan teknokrat semata-mata, tetapi bererti juga perwujudan bilangan artis-artis dan pakar-pakar seni. Proses perindustrian negara kita akan lebih bermakna sekiranya ia melibatkan semua rakyat, daripada kalangan pentadbir sehingga kepada artis yang berbakat dan maju. Ini penting dalam menentukan kekayaan seni dan budaya kita dan ini akan menentukan kesinambungan budaya kita bagi generasi-generasi akan datang.

8. Saya difahamkan bahawa melalui Yayasan Ibrahim Hussein ini sebuah Kompleks Kesenian akan dibina di Pulau Langkawi yang bukan sahaja akan menyimpan dan mempamerkan lukisan-lukisan, terutama karya-karya Ibrahim Hussein sendiri, tetapi juga akan dijadikan tempat pertemuan bagi para seniman kebangsaan dan antarabangsa. Apabila kompleks ini terbina kelak, maka ia pasti akan juga menjadi satu daya tarikan pelancongan yang agak luar biasa dan memikat.

9. Perwujudan sebuah yayasan serta kompleks kesenian seperti yang dirancangkan ini, adalah kena pada masanya, iaitu tatkala kita sedang menuju ke arah masyarakat perindustrian. Memang dalam perjalanan ke arah itu, kita barangkali terlalu banyak menumpukan perhatian kepada soal-soal ekonomi. Tetapi mungkin ini akan menjamin bidang seni tidak diabaikan.

10. Perkembangan kesenian kita pada umumnya sudah boleh dibanggakan. Contoh yang gemilang dalam lapangan seni lukis dapat dilihat daripada pencapaian saudara Ibrahim Hussein sendiri. Jikalau kita hendak mengambil tempat yang wajar di dalam dunia moden, maka kita patutlah menggalakkan perkembangan kesenian yang dinamik dan segar. Daripada segi ini, kita sudah mempunyai bakat-bakat yang baik. Yang diperlukan ialah sokongan yang tidak berbelah bagi terutamanya daripada pihak swasta.

11. Dengan itu saya mengalu-alukan penubuhan Muzium dan Yayasan Kebudayaan Ibrahim Hussein, dan saya menyeru agar berbagai pihak memberikan sokongan kepada beliau. Saudara

Ibrahim Hussein telah memberikan khazanah yang tidak ternilai yang ada pada dirinya, iaitu bakat, pengalaman dan hubungan mesra dengan seniman antarabangsa yang telah dipupuknya berpuluh-tahun. Kita semua patutlah menggunakan khazanah diri beliau itu bagi kemajuan bangsa dan negara kita.

12. Di sini kita diberi kesempatan untuk membina Malaysia sebagai salah satu pusat interaksi kesenian antarabangsa, tempat berkembangnya daya kreatif bagi memperlengkapi dan memperindahkan lagi pembinaan industri dan penghidupan peribadi kita. Kita akan dapat lakukan ini di dalam negara kita sendiri, tanpa begitu bergantung lagi kepada perkembangan dari luar.

13. Dengan itu saya dengan sukacitanya melancarkan Muzium dan Yayasan Kebudayaan Ibrahim Hussein.